



MENGUKUHKAN Tiang Seri PERLEMBAGAAN

Perlembagaan merupakan asas penting dalam pembinaan sesebuah negara bangsa kerana berfungsi sebagai undang-undang tertinggi. Apa-apa jua peraturan dan undang-undang yang digubal tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa apa-apa jua undang-undang selepas merdeka akan terbatal dengan sendirinya apabila bercanggah dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan ada menyatakan perkara ini. Proses terhasilnya sesebuah Perlembagaan mempunyai hubungan yang rapat dengan sejarah, budaya, politik dan sosial di sesebuah negara. Proses terbentuknya Perlembagaan melalui proses yang mempunyai hubung kait dengan banyak faktor. Perkara yang perlu difahami ialah Perlembagaan di sesebuah negara itu merupakan asas penting bagi pembinaan, pengukuhan dan kestabilan bagi sesebuah negara. Apabila sudah terbentuk, setiap warganegara mesti memahami dan mematuhi tanpa berbelah bagi. Undang-undang tertinggi bagi sesebuah negara mesti dipatuhi oleh setiap warganegara bagi menjamin kekuatan dan kestabilan sesebuah negara bangsa.

Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan mempunyai asas dan falsafah tertentu yang terbina berasaskan sejarah politik bangsa dan budaya yang mendasari negara. Secara umumnya kita dapat katakan bahawa falsafah asas Perlembagaan Persekutuan adalah bagi pembinaan sebuah negara bangsa yang kukuh berasaskan falsafah "satu negara, satu

bangsa". Persoalan seperti Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Persekutuan, kedudukan Raja-raja Melayu dalam politik dan pentadbiran Persekutuan, kedudukan dan hak istimewa penduduk asal serta kumpulan terbesar (iaitu orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak) adalah persoalan asas yang mempunyai hubungan rapat dengan falsafah tersebut. Dalam bahasa yang biasa digunakan adalah "tiang seri" Perlembagaan atau unsur-unsur tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 3 berkaitan dengan Islam sebagai agama Persekutuan, Perkara 152 tentang persoalan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Perkara 153 tentang kedudukan dan hak istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, serta perkara yang berkaitan dengan kedudukan dan peranan Raja-raja Melayu juga dikaitkan dengan "tiang seri Perlembagaan". Perumpamaannya, tiang seri ini dikaitkan dengan struktur seni bina rumah Melayu yang mencerminkan bahawa tiang seri merupakan sebatang tiang dalam sesebuah rumah yang sangat penting bagi menjamin kekuatan dan kestabilan rumah itu. Tiang seri memainkan peranan penting bagi memastikan rumah itu kuat dan stabil.

Runtuh atau patahnya tiang seri akan meruntuhkan semua bahagian dan struktur rumah. Analogi ini menggambarkan bahawa kedudukan tiang seri sangat penting bagi keseluruhan kekuatan rumah. Dalam konteks negara bangsa Malaysia, peruntukan Perlembagaan yang dikatakan sebagai tiang seri boleh dianggap sebagai peruntukan yang sangat penting bagi membina dan menjamin kekuatan dan kestabilan negara bangsa Malaysia. Oleh sebab Perlembagaan Persekutuan merupakan sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan, maka

kedudukan peruntukan ini penting (iaitu tiang seri) juga tidak boleh dipertikaikan oleh semua warganegara kerana perlu diterima dan dijunjung serta disanjung bagi mengekalkan kekuatan dan kestabilan negara bangsa Malaysia. Hal ini merupakan lambang cinta bagi setiap warganegara kepada negara serta perlu difahami oleh semua warganegara, iaitu rakyat biasa, pemimpin masyarakat, pemimpin politik dan pimpinan tertinggi negara. Persoalan dan peruntukan penting Perlembagaan Persekutuan perlu sentiasa diulas dan dikupas bagi meningkatkan pemahaman seluruh rakyat.

Kita ambil beberapa contoh yang berkaitan dengan peranan dan peri pentingnya kedudukan tiang seri Perlembagaan. Pertama, tentang kedudukan Raja-raja Melayu serta peri pentingnya dalam membina dan menjamin kestabilan negara. Kedua, peri pentingnya peranan bahasa rasmi negara, iaitu bahasa Melayu. Ketiga, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Peruntukan yang berkaitan dengan tiang seri ini adalah saling berkaitan dengan peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan. Hal ini tidak mudah untuk difahami dalam masa yang singkat dan perlu usaha yang berterusan kepimpinan negara dalam meningkatkan tahap pemahaman tentang Perlembagaan Persekutuan sebagai asas pembinaan negara bangsa dan undang-undang tertinggi negara.

Pertama, tentang kedudukan Raja-raja Melayu serta peri pentingnya dalam membina dan mengekalkan kestabilan negara. Adalah wajar sekali bahawa kedudukan Raja-raja Melayu dikatakan sebagai tiang seri kerana peranan besar yang dimainkan oleh Majlis Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai lambang perpaduan dan pelindung bagi seluruh rakyat. Peranan Raja-raja, Sultan dan YDPA amat besar dalam membina kestabilan dan kemajuan negara. Sebagai contoh, ketika negara menghadapi kecelaruan dan ketidakstabilan politik pada tahun 2020–2021, peranan yang dimainkan oleh YDPA dan Raja-raja Melayu amat besar. Pada ketika itu, YDP Agong telah bertindak secara bijaksana bagi membentuk kestabilan politik dan pentadbiran negara. Istana Negara pada ketika itu bertindak membuat keputusan bijak dan tepat sehingga berjaya membina kestabilan politik negara. Kita bersyukur kerana terdapat institusi raja yang berfungsi dan berperanan besar membina kemakmuran ekonomi dan kestabilan politik negara.

Selain itu, peranan bahasa rasmi negara, iaitu bahasa Melayu. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi dalam membina kestabilan negara. Setiap negara bangsa mesti mempunyai satu bahasa utama sebagai alat perhubungan. Kita tidak menafikan kepentingan bahasa lain dalam kalangan masyarakat yang berbagai-bagai bangsa serta bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa, tetapi satu bahasa utama sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan merupakan sesuatu yang perlu dan bertindak sebagai alat dan bahasa penghubung utama yang difahami oleh seluruh warganegara. Tanpa satu bahasa utama yang boleh difahami oleh semua pihak sebagai bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi negara akan memberikan satu kesan yang buruk. Sesuatu negara bangsa yang tidak ada bahasa rasmi boleh dianggap sebagai bangsa yang tidak ada roh dan jiwa.

Seterusnya, kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Peruntukan tentang hak dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak seperti yang dinyatakan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan merupakan persoalan penting bagi kestabilan dan kekuatan negara kita. Perkara ini pernah menjadi perdebatan dan ada pihak yang tidak bersetuju dengan peruntukan Perkara 153 kedudukan istimewa orang-orang Melayu. Persoalan setuju atau tidak menjadi persoalan kerana telah termaktub dalam Perlembagaan negara disebabkan oleh rasional dan hujah tertentu yang dimasukkan dan termaktub dalam Perlembagaan negara. Kedudukan Perkara 153 ini istimewa kerana tidak boleh dipinda oleh Parlimen walaupun sekiranya mendapat persetujuan dua pertiga ahli Parlimen.

Sebarang pindaan Perkara 153 hendaklah mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 38(5). Hal ini menunjukkan bahawa kedudukan Perkara 153 ini adalah sangat istimewa. Adalah sewajarnya orang-orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak sebagai penduduk asal dan kumpulan terbesar penduduk negara perlu dilindungi dan diberi beberapa keistimewaan. Persoalan seperti pemberian kuota tertentu biasiswa kepada pelajar Melayu, peluang dan kuota pekerjaan dalam perkhidmatan awam serta peluang ekonomi adalah wajar bagi dibuka peluang kepada orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Tafsiran



"Melayu" adalah tidak bersifat "biologi" tetapi lebih kepada tafsiran Perlembagaan seperti yang dinyatakan dalam perkara 160. Hal ini bermakna seseorang yang bukan secara biologinya Melayu juga boleh menjadi "orang Melayu" jika memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Perkara 160. Perkara 153 ini tidak harus dilihat dalam konteks negatif dan perlu dilihat sebagai suatu yang positif bagi pembinaan sebuah negara bangsa yang kuat dan stabil dalam jangka panjang berasaskan prinsip perlembagaan dan prinsip "satu negara satu bangsa" Kestabilan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak mempunyai hubungan rapat dengan kestabilan politik negara yang tidak boleh dipisahkan. Ketidakstabilan kumpulan dominan penduduk utama akan membawa kesan buruk terhadap kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Pemahaman tentang Perlembagaan Persekutuan khususnya tiang seri perlembagaan perlu difahami oleh semua warganegara. Semua peringkat daripada rakyat biasa hingga ke peringkat pimpinan tertinggi negara mesti memahami falsafah dan tiang seri Perlembagaan Persekutuan. Usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh adalah perlu bagi meningkatkan pemahaman rakyat secara keseluruhannya tentang Perlembagaan Persekutuan. Tanpa memahami Perlembagaan Persekutuan, kita seakan-akan tidak mempunyai arah tuju yang jelas dalam membina negara. Dalam jangka panjang, kekuatan negara bangsa kita akan semakin kukuh dan padu sekiranya asas dan pemahaman sebenar tentang Perlembagaan Persekutuan telah terbina. Semoga negara kita semakin kental dalam menghadapi apa-apa jua cabaran. Perlembagaan Persekutuan mesti berfungsi sebagai asas dalam membina negara tercinta. □

Profesor Madya Dr. Mohd. Noor Yazid, Fellow Penyelidik Kanan, Kluster Pembangunan dan Etnografi, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BORIS), Universiti Malaysia Sabah.